

**PROGRAM “FIRST YEAR EXPERIENCE IN INDUSTRY” Disediakan oleh:
Roveena Herleen Binti Hussain Meah**

Sepasukan Fasilitator Mega Tech System dan pelajar PIS telah berjaya melaksanakan sebuah program pemindahan ilmu bertajuk Program “First Year Experience In Industry”. Program telah dilaksanakan di Mega Tech System, Universiti Teknologi Malaysia.

Program yang diketuai oleh Pn. Norihan Binti Mahmood, penceramah Pn. Zanita Mohd Amin, serta barisan peserta iaitu Ahmad Amin Azfar Bin Mohd Shahif, Muhammad Danial Bin Rosnan, Danial Hakim Chan Bin Chan Yoke Lung Hakimi Arif Bin Aminuddin, Program berlangsung pada 10 dan 11 Mei 2023 bermula pada jam 9 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang.

Program ini adalah salah satu sub-program dari program kolaborasi Jabatan Matematik, Sains dan Komputer. Ianya memfokuskan Mendedahkan peserta kepada jenis pekerjaan, suasana persekitaran dan suasana kerja yang terdapat di industri dan organisasi. Memberi peluang kepada peserta memperolehi kemahiran seawal mungkin. Mendedahkan peserta dalam ilmu baik pulih komputer dan pendedahan ilmu keusahawanan. Memupuk sikap kerja yang baik kepada peserta dan menggalakkan mereka berinteraksi dengan rakan sekerja dan masyarakat

Sementara itu, program ini juga turut menyuntik pengalaman baharu kepada para peserta program. Pengisian program lebih kepada aktiviti berbentuk praktikal dan dilaksanakan secara fizikal. Kesemua peserta juga turut menerima sijil penyertaan dari pihak Mega Tech System.

Hasil dari kajian soal selidik yang dijalankan ke atas para peserta menunjukkan bahawa program ini telah memberikan impak ke atas mereka bukan sahaja daripada sudut *upskilling* dan *reskilling*, malah mempertingkatkan keyakinan mereka dalam aktiviti baik pulih komputer di PIS.

Pihak JMSK sentiasa berharap agar ilmu yang disampaikan dalam bengkel ini bermanfaat kepada peserta dan seterusnya kerjasama bersama Mega Tech System akan terus terjalin dari semasa ke semasa. Program ini dilihat telah berjaya mencapai matlamatnya di mana peserta-peserta didedahkan kepada peluang pekerjaan setelah tamat kursus.

GAMBAR -GAMBAR PROGRAM



Sesi bergambar Bersama penceramah dan peserta



Peserta dikehendaki membuka casing untuk melihat komponen rosak



Peserta bergambar bersama pelanggan Mega Tech System



Penceramah memberikan penerangan kepada peserta mengenai komponen dalaman komputer



Peserta melakukan amali membaik pulih komponen komputer



Peserta melakukan hands- on membaik pulih komponen komputer